

PERASMIAN MUZIUM SEJARAH NEGERI MELAKA
BANGUNAN STUDDTHUYS, BANDAR MELAKA

17 DISEMBER 1982

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Yang Amat Berhormat Encik Abdul Rahim Datuk Thambi Chik, Ketua
Menteri Melaka;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Saya amat bangga mendapat peluang menghadiri majlis ini dan bagi pihak diri saya juga isteri saya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

2. Negeri Melaka adalah sebuah negeri yang kaya dengan sejarah. Sebagai sebuah empayar di zaman silam, Melaka bukan sahaja mencatatkan berbagai peristiwa penting malah ia adalah satu pusat perdagangan dan kebudayaan yang penting di dunia.

3. Melaka, dalam sejarah, merupakan pusat pentadbiran pertama di negara kita yang mempunyai hierarki teratur seperti sultan, bendahara, temenggong, shahbandar, penghulu dan sebagainya. Sebagai pusat perdagangan, Melaka berjaya menjalinkan hubungan dengan beberapa kuasa asing, daripada Majapahit di Jawa hingga ke Negeri China. Bandar ini juga dahulu merupakan pusat pertemuan berbagai kaum melalui perdagangan laut, sehingga bercantum berbagai unsur yang sekarang ini dikenali sebagai kebudayaan Melayu. Perpaduan masyarakat berbagai keturunan adalah satu hakikat yang harus menjadi contoh kepada masyarakat sekarang.

4. Sejarahnya yang gemilang, terutama sebagai kota perdagangan yang maju, telah menarik minat kuasa-kuasa besar di barat. Berikutan dengan itu Melaka telah dijajah kira-kira 456 tahun oleh Portugis, Belanda dan akhirnya Inggeris. Kesan-kesan penjajahan di kota Melaka dapat dilihat dengan jelas, termasuklah bangunan Studthuys ini yang akan menjadi bangunan Muzium Sejarah Melaka.

5. Sekarang kita telah merdeka dan kemerdekaan kita telah melepaskan Melaka dari belenggu penjajah setelah begitu lama di bawah pemerintahan kuasa asing. Melaka mencatat detik penting sejarah Malaysia Merdeka bila Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengumumkan tarikh kemerdekaan tanahair kita dahulu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Melaka mestilah mencari jalan untuk memperkembangkan asas ekonominya, dan ini adalah satu cara bagi kita menuju ke arah kegemilangan yang telah ditempa pada zaman kesultanan Melaka dahulu. Melaka tidak dikurniakan dengan hasil minyak petrolium atau balak seperti beberapa buah negeri yang lain. Oleh yang demikian, pelancungan, pada pandangan saya, bolehlah dijadikan unsur baharu untuk membangunkan negeri ini, dan saya sangat berbangga kerana Kerajaan Negeri telah menyusun beberapa projek untuk menarik pelancung ke negeri ini. Negeri ini telah pun mempunyai sejarah yang menjangkau beberapa abad dari kesultanan Melaka, zaman pemerintahan barat dan sehingga merdeka; dan dengan itu banyak meninggalkan kesan-kesan sejarah. Saya penuh yakin kesan-kesan sejarah di Negeri ini akan menjadi tarikan utama pelancung, bukan sahaja dari dalam negeri, bahkan dari luar negeri.

7. Usaha menarik pelancung ke negeri ini bukan sahaja berkehendakkan penglibatan Kerajaan Negeri, tetapi juga kerjasama orang ramai. Kerajaan Negeri boleh merancang kemudahan penginapan, projek pelancungan seperti muzium sejarah ini, kemudahan pengangkutan dan sebagainya. Para pelancung akan bertemu dengan penduduk tempatan, seperti pemandu teksi, pemandu bas, penjual kraftangan, kakitangan restoran dan kedai-kedai makan. Dengan itu bukan sahaja layanan dan perkhidmatan harus cekap dan bermutu, bahkan kita mestilah juga mesra, jujur dan amanah. Kalau tambang teksi sepatutnya seringggit, janganlah apabila nampak muka 'orang luar' tambangnya menjadi dua ringgit. Sekali tertipu, seseorang yang mengalami tindakan yang buruk ini akan hilang kepercayaan kepada kita. Ini bukan sahaja menjejaskan industri pelancungan tetapi juga imej kita. Kita pernah dengar beberapa buah kota di negara asing di'cap' sebagai penuh penipuan, perkhidmatan kurang memuaskan, penduduknya tidak berbudi pekerti, banyak rasuah dan sebagainya. Kalau kita tidak mengawasinya, para pelancung luar negeri sesama sendiri akan mengingatkan bakal-bakal pelancung supaya berjaga-jaga mengenai pembayaran teksi, membeli kraftangan, dan sebagainya. Akhirnya akan timbul rasa takut untuk datang ke Malaysia. Fikirlah

tentang kebaikan jangka panjang sebelum terperangkap dengan keuntungan semasa.

8. Apa yang kita harapkan ialah gambaran yang baik dalam semua hal. Bukan kerana kita mahu dipuji tetapi lebih kerana imej yang betul mengenai kita sebagai masyarakat yang berhemah tinggi dan mempunyai nilai-nilai yang tinggi. Biarlah pelancung berasa senang melancung ke Malaysia, seterusnya ke Melaka, dan tiada berasa ragu-ragu atau takut. Dewasa ini semua negara bersaing hebat untuk menarik para pelancung, dan para pelancung mempunyai banyak pilihan selain dari melancung ke negara kita. Pendek kata, semua yang berkait rapat dengan perusahaan pelancungan mestilah bekerjasama dan memberi sumbangan positif bagi menjamin industri pelancungan yang sihat di negara kita.

9. Agensi pelancungan kerajaan juga mempunyai peranannya sendiri. Di samping menyediakan kemudahan infrastruktur pelancungan, agensi-agensi kerajaan perlu sentiasa mengawasi perkara-perkara yang kurang menyenangkan hati para pelancung dan orang ramai, terutamanya kebersihan dan kecantikan alam sekeliling.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Projek Muzium Sejarah Negeri Melaka ini memanglah sesuai ditempatkan di bangunan lama ini, kerana bangunan ini mempunyai sejarahnya sendiri. Bukanlah kita hendak membanggakan sangat bangunan yang didirikan oleh penjajah, tetapi kita juga berbangga dengan persekitarannya ini, yang lima abad lalu merupakan sebahagian dari kawasan pusat pemerintahan empayar Melaka. Saya berharap muzium ini akan terisi penuh dengan bahan-bahan sejarah dalam masa beberapa tahun lagi.

11. Saya juga berharap Kerajaan Negeri akan memperbanyakkan lokasi pelancungan di sekitar kota ini, supaya setiap orang pelancung dapat melihat berbagai tempat sejarah, dan tempat pelancungan lain, dalam masa melancung ke Melaka.

12. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan perasaan bangga kerana dijemput merasmikan asas Muzium Sejarah Negeri Melaka ini, dan menyaksikan sendiri bahan-bahan sejarah yang sedia terkumpul.

Wabilahi Taufik Walhidayah Wasalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.